

PENILAIAN SEMULA ATURAN 18 KAEDAH 19 KAEDAH-KAEDAHMAHKAMAH2012:KESEIMBANGAN ANTARADARJAHPEMBUKTIANDENGANPENYELESAIAN KESYANGBERKESANDALAMLITIGASISIVILMALAYSIA

(Reassessing Order 18 Rule 19 of the Rules of Court 2012: Balancing the Standard of Proof with the Effective Resolution of Cases in Malaysian Civil Litigation)

Izmi Izdiharuddin Che Jamaludin Mahmud
izdiharuddin@uitm.edu.my

Fakulti Undang-undang, Universiti Teknologi MARA, 27600 Raub, Pahang, Malaysia.

Rujukan makalah ini (To cite this article): Izmi Izdiharuddin Che Jamaludin Mahmud. (2026). Penilaian semula Aturan 18 Kaedah 19 Kaedah-kaedah Mahkamah 2012: Keseimbangan antara darjah pembuktian dengan penyelesaian kes yang berkesan dalam litigasi sivil Malaysia. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 38(2), 205–232. [https://doi.org/10.37052/kanun.38\(2\)no1](https://doi.org/10.37052/kanun.38(2)no1)

Makalah ini telah melalui proses penilaian sulit berganda
(This article has undergone a double-blind peer review process)

Peroleh: Received:	21/9/2025	Semakan: Revised	5/1/2026	Terima: Accepted:	2/4/2026	Terbit dalam talian: Published online:	31/7/2026
-----------------------	-----------	---------------------	----------	----------------------	----------	---	-----------

Abstrak

Terdapat pelbagai peraturan dalam Kaedah-kaedah Mahkamah 2012. Satu daripadanya ialah permohonan untuk membatalkan pliding di bawah Aturan 18 Kaedah 19. Walaupun Aturan 18 Kaedah 19 digunakan untuk menyelesaikan kes dengan lebih cepat, mahkamah lebih cenderung untuk menolak permohonan tersebut. Hal ini berlaku kerana kewujudan kriteria tambahan bagi permohonan tersebut, iaitu prinsip common law sememangnya tidak boleh dipertahankan. Di Malaysia, terdapat beberapa kes yang sepatutnya dapat diselesaikan dengan mudahnya, tetapi dipanjangkan tempoh masanya disebabkan oleh prinsip common law sememangnya tidak boleh dipertahankan. Oleh itu, kajian ini dilakukan adalah untuk menyelidik kebolehlaksanaan prinsip common law sememangnya tidak boleh dipertahankan dengan

menggunakan teori pengadilan pragmatik. Menerusi metodologi penyelidikan doktrinal, pengkaji dapat membuktikan bahawa terdapat tiga kelemahan jika prinsip common law sememangnya tidak boleh dipertahankan dilihat menerusi teori pengadilan pragmatik. Kelemahan tersebut ialah mahkamah tidak dapat menyelesaikan kes secara berkesan dan melanggar prinsip common lawimbangan kebarangkalian yang biasa digunakan dalam kes sivil, serta dilihat berpihak kepada pihak lawan. Oleh itu, pengkaji menghujahkan bahawa prinsip common law sememangnya tidak boleh dipertahankan perlu dihapuskan bagi mempromosikan penyelesaian kes sivil dengan cepatnya tanpa mengorbankan integriti proses undang-undang.

Kata kunci: Kaedah-kaedah Mahkamah 2012, Aturan 18 Kaedah 19, permohonan interlocutori, darjah pembuktian, common law, pliding

Abstract

There are various rules in the Rules of Court 2012. One of them is the application for striking out pleadings under Order 18, Rule 19. However, the court is more inclined to dismiss the striking-out pleadings application, even though Order 18, Rule 19, is intended to resolve cases more quickly. This tendency arises from an additional criterion: the common law principle of 'obviously unsustainable.' In Malaysia, several cases should have been resolved easily, but are being prolonged due to the common law principle of 'obviously unsustainable'. Therefore, this study was conducted to investigate the feasibility of the common law principle of 'obviously unsustainable' within the theory of pragmatic adjudication and found three weaknesses. The weaknesses are that the court cannot effectively resolve the case, that it violates the common law principle of the balance of probabilities, which is commonly used in civil cases, and that the court is seen to favour the opposing party. Therefore, this paper argues that the common law principle of 'obviously unsustainable' should be abolished to promote the swift resolution of civil cases without compromising the integrity of the legal process.

Keywords: Rules of Court 2012, Order 18 Rule 19, interlocutory application, burden of proof, common law, pleading

PENDAHULUAN

Malaysia merupakan negara yang menggunakan sistem perundangan common law (Izmi Izdiharuddin Che Jamaludin Mahmud & Che Mohd Hilmi Saifuddin, 2025). Sistem perundangan common law ialah sistem kehakiman yang diasaskan oleh England. Sistem ini bermula pada zaman Raja England, Henry II (1154–1189) yang menghantar hakim ke

seluruh pelosok England bagi menyelesaikan kes (McKibbin et al., 2021). Setelah menyelesaikan tugasnya, hakim tersebut pulang ke ibu kota bagi membincangkan keputusan yang paling tepat antara semua keputusan tersebut (Marinac et al., 2018). Seterusnya, keputusan yang paling tepat tersebut digunakan sebagai rujukan pada masa hadapan (Marinac et al., 2018). Keputusan inilah yang dikenali sebagai common law, iaitu undang-undang yang ditetapkan oleh mahkamah dan digunakan oleh seluruh masyarakat England (Cownie et al., 2013).

Malaysia secara umumnya menggunakan sistem perundangan common law ini apabila British menjajah Pulau Pinang pada tahun 1786 dan membentuk sistem perundangan seakan-akan sama dengan sistem kehakiman di England pada tahun 1807–1808 (Penang: Past and present, 1966). Kemudian, apabila Persekutuan Tanah Melayu merdeka pada tahun 1957 dan Malaysia terbentuk pada tahun 1963, Perlembagaan Persekutuan, iaitu undang-undang tertinggi di Malaysia, mengekalkan sistem perundangan kolonial Inggeris sebagaimana yang termaktub dalam Bahagian IX Perlembagaan Persekutuan. Pada masa yang sama, Perlembagaan Persekutuan juga mengklasifikasikan undang-undang kepada dua jenis, iaitu jenayah dan sivil (Butiran 4, Senarai Persekutuan, Perlembagaan Persekutuan).

Menerusi permissahan tersebut, beban dan darjah pembuktian berbeza antara kes sivil dengan kes jenayah dalam sistem perundangan common law (Suhaizul Saifuddin, 2025). Bagi kes sivil, darjah pembuktian yang digunakan dalam sistem perundangan common law ialah imbalan kebarangkalian (*Miller lwn. Minister of Pensions*, 1947). Kes jenayah pula menggunakan darjah pembuktian melampaui keraguan yang munasabah untuk memastikan, sama ada tertuduh bersalah atau tidak bersalah (*Woolmington lwn. Director of Public Prosecutions*, 1935). Perbezaan antara kedua-dua darjah pembuktian tersebut ialah pihak yang menyaman dan disaman mempunyai beban pembuktian yang sama bagi mengemukakan keterangan dalam kes sivil. Dalam senario ini, pihak yang memberikan keterangan yang lebih kukuh akan memenangi kes tersebut.

Namun demikian, situasinya berbeza dalam kes jenayah. Beban pembuktian hanya terletak pada satu pihak, iaitu pendakwa raya, kerana kewujudan prinsip common law andaian ketakbersalahan. Prinsip common law andaian ketakbersalahan merupakan prinsip undang-undang yang menyatakan bahawa tertuduh tidak bersalah melainkan terdapat keterangan yang menyatakan sebaliknya (Hor et al., 1995). Kesan daripada itu, pendakwa raya perlu membuktikan bahawa kesnya melampaui keraguan yang munasabah. Tertuduh pula hanya perlu menimbulkan keraguan munasabah dengan memberikan hujah untuk menafikan jenayah tersebut.

Oleh sebab beban dan darjah pembuktian berbeza-beza antara kes sivil dengan kes jenayah, prosedur mahkamah bagi kedua-dua kes tersebut juga berbeza-beza. Bagi kes jenayah, Parlimen mengekalkan Kanun Tatacara Jenayah 1935 sebagai prosedur utama. Bagi kes sivil, Parlimen memberikan kuasa kepada badan kehakiman untuk menggubal prosedur kes sivil menerusi Seksyen 4 Akta Kaedah-kaedah Mahkamah Rendah 1955 dan Seksyen 17 Akta Mahkamah Kehakiman 1964.

Hasil daripada Seksyen 4 Akta Kaedah-kaedah Mahkamah Rendah 1955 dan Seksyen 17 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 tersebut, terbentuklah perundangan subsidiari yang dikenali sebagai Kaedah-kaedah Mahkamah 2012. Kaedah-kaedah Mahkamah 2012 mempunyai 94 peraturan. Satu daripadanya ialah Aturan 18 Kaedah 19 Kaedah-kaedah Mahkamah 2012. Kandungan Aturan 18 Kaedah 19 Kaedah-kaedah Mahkamah 2012 menyatakan bahawa mahkamah boleh pada mana-mana peringkat prosiding memerintahkan pembatalan atau pindaan mana-mana pliding, pengendorsan pada writ dan saman pemula. Mahkamah juga boleh memerintahkan penggantungan prosiding, serta membatalkan atau membenarkan sesuatu tuntutan. Oleh itu, Aturan 18 Kaedah 19 secara umum dapat difahami sebagai permohonan pembatalan pliding.

Aturan 18 Kaedah 19 juga merupakan suatu permohonan interlokutori. Oleh itu, permohonan tersebut dilakukan dibuat berdasarkan Aturan 32. Aturan 32 menyatakan bahawa setiap permohonan interlokutori hendaklah dilakukan melalui notis permohonan dan disokong oleh affidavit sekiranya perlu. Pihak yang melawan permohonan tersebut juga boleh memfailkan affidavit sebagai keterangan untuk menolaknya.

Oleh itu, sepatutnya, mahkamah lebih mudah untuk melupuskan kes sekiranya terdapat permohonan di bawah Aturan 18 Kaedah 19 Kaedah-kaedah Mahkamah 2012. Hal ini dikatakan demikian kerana mahkamah tidak perlu melalui proses perbicaraan yang memerlukan tempoh lebih lama jika dibandingkan permohonan interlokutori. Kenyataan ini dapat dibuktikan melalui proses antara perbicaraan dengan permohonan interlokutori. Permohonan interlokutori hanya melibatkan pliding dan affidavit sebagai keterangan. Perbicaraan pula bergantung pada penyediaan kertas kausa dan dokumen, serta jumlah saksi yang tiada had untuk dipanggil bagi memberikan keterangan sehingga kes tersebut ditutup.

Antara contoh yang dapat digunakan bagi Aturan 18 Kaedah 19 termasuklah kes *Sidek Hj. Muhamad lwn. The Government of the State of Perak* (1982). Dalam kes ini, Kerajaan Negeri Perak berjaya membatalkan saman bagi tuntutan tanah kerana plaintif merupakan penghuni tidak sah.

Selain itu, terdapat sampel lain, seperti kes *Haji Hussin bin Haji Ali lwn. Datuk Haji Mohamed bin Yaacob* (1983), apabila mahkamah memutuskan untuk membatalkan saman terhadap Kerajaan Negeri Kelantan bagi kes pemecatan penghulu kampung. Hal ini dikatakan demikian kerana plaintif memfailkan tuntutan di luar had masa, iaitu melebihi tempoh 36 bulan daripada tindakan yang menjadi isu sebagaimana yang ditetapkan dalam Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948.

Namun demikian, common law meletakkan kriteria tambahan bagi permohonan pembatalan pliding. Kriteria tambahan tersebut dikenali sebagai prinsip common law sememangnya tidak boleh dipertahankan. Inti pati prinsip common law tersebut ialah permohonan pembatalan pliding ditolak sekiranya terdapat keperluan untuk pembicaraan walaupun hujah bagi melawan permohonan tersebut lemah dan pihak lawan mungkin tidak berjaya membuktikan fakta sekalipun pembicaraan dilakukan (Hickinbottom et al., 2022).

Di Malaysia, prinsip common law sememangnya tidak boleh dipertahankan digunakan sejak tahun 1993 menerusi kes *Bandar Builder Sdn. Bhd. lwn. United Malayan Banking Corporation* (1993). Kes ini berlaku apabila United Malayan Banking Corporation menuntut semula pinjaman yang diberikan kepada syarikat Bandar Builder. Bandar Builder berhujah bahawa pihak bank yang sebenarnya melanggar kewajipan berjaga-jaga apabila sengaja melengahkan masa bagi memberikan kelulusan untuk melupuskan saham. Saham tersebut digunakan sebagai cagaran bagi pinjaman tersebut. Kedua-dua pihak kemudiannya cuba untuk membatalkan pliding masing-masing. Namun demikian, mahkamah agung (kini dikenali sebagai mahkamah persekutuan) menolak kedua-dua permohonan pembatalan dengan alasan permohonan Aturan 18 Kaedah 19 tidak boleh menentukan merit kes sepenuhnya.

Oleh sebab ditetapkan oleh mahkamah yang paling tinggi dari sudut hierarki, keputusan kes Bandar Builder tersebut mengikat mahkamah yang kemudiannya berdasarkan prinsip common law *stare decisis*. Prinsip common law *stare decisis* merupakan suatu peraturan bahawa mahkamah yang lebih bawah terikat pada keputusan mahkamah terdahulu yang lebih tinggi hierarki atau mahkamah yang paling tinggi dari sudut hierarki terikat pada keputusan terdahulu (Izmi Izdiharuddin Che Jamaludin Mahmud & Che Mohd Hilmi Saifuddin, 2025).

Namun demikian, prinsip common law sememangnya tidak boleh dipertahankan menjadikan mahkamah tidak pragmatik untuk menyelesaikan kes dengan lebih pantas. Hal ini dikatakan demikian kerana mahkamah lebih cenderung untuk menolak permohonan pembatalan pliding di bawah

Aturan 18 Kaedah 19 Kaedah-kaedah Mahkamah 2012 sekalipun fakta yang diujahkan oleh pihak yang melawan permohonan tersebut lemah. Fakta yang hanya perlu diujahkan oleh pihak yang melawan permohonan tersebut ialah mahkamah perlu mendengar kenyataan saksi terlebih dahulu sebelum melupuskan kes.

Antara contoh yang dapat digunakan termasuklah kes *Norlen Hassan lwn. Siti Rohayah Abu* (2017). Dalam kes ini, plaintif menuduh defendan memiliki tanah secara tidak sah kerana sepatutnya, tanah tersebut milik keluarga plaintif. Defendan memfailkan permohonan untuk membatalkan tuntutan dengan alasan bahawa plaintif telah gagal untuk mendapatkan surat kuasa mentadbir sebelum menyaman defendan. Namun demikian, permohonan tersebut telah ditolak oleh mahkamah. Penolakan ini kerana mahkamah berpandangan bahawa terdapat keperluan untuk mendengar keterangan saksi terlebih dahulu sebelum melupuskan kes walaupun mahkamah sendiri mengakui dalam penghakimannya bahawa defendan tidak mempunyai lokus standi.

Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk mengkaji kebolehlaksanaan prinsip common law sememangnya tidak boleh dipertahankan dengan menggunakan teori pengadilan pragmatik. Menerusi teori pengadilan pragmatik, kerelevanan common law sememangnya tidak boleh dipertahankan pada abad ke-21 dapat ditentukan. Data dikumpulkan melalui penyelidikan doktrinal yang biasa digunakan dalam penyelidikan undang-undang.

KAJIAN LEPAS

Di Malaysia, tiada kajian khusus tentang kerelevanan prinsip common law sememangnya tidak boleh dipertahankan dalam sistem kehakiman. Kajian yang dilakukan dari tahun 2020 hingga tahun 2023 oleh Haniwarda (2020), Fion Wong Sook Ling (2021), Kho Feng Ming (2022) dan Tang Jia Yearn et al. (2023) tidak memfokuskan isu tersebut. Dalam hal ini, Haniwarda (2020) hanya menyenaraikan beban pembuktian bagi permohonan interlokutori antara penghakiman ingkar, penghakiman terus dan pembatalan pliding tanpa memperincikan keperluan untuk menukarkan beban pembuktian tersebut. Fion Wong Sook Ling (2021) pula memfokuskan ketidakadilan mahkamah yang membenarkan pemfailan di luar tempoh masa yang masa tersebut termaktub dalam Kaedah-kaedah Mahkamah 2012.

Kho Feng Ming (2022) pula mendapati bahawa Kaedah-kaedah Mahkamah 2012 gagal untuk mewujudkan situasi bahawa kes dapat diselesaikan secara berkesan. Dalam hal ini, Feng menemukan pihak yang

tidak mematuhi garis masa yang ditetapkan oleh badan kehakiman bagi permohonan interlokutori, iaitu keperluan untuk mem failkan permohonan interlokutori dalam tempoh empat belas hari dari tarikh pengurusan kes kali pertama (Arahan Amalan, 2020). Keadaan ini berlaku kerana Arahan Amalan 2020 tersebut tidak menyatakan akibat ketidakpatuhan arahan tersebut.

Ketidakpatuhan berkemungkinan besar garis masa yang ditetapkan dalam Arahan Amalan 2020 dapat dikaitkan dengan peraturan dalam Kaedah-kaedah Mahkamah 2012. Biasanya, peraturan dalam Kaedah-kaedah Mahkamah 2012 menetapkan bahawa pihak boleh menfailkan permohonan interlokutori pada mana-mana peringkat prosiding. Aturan 18 Kaedah 19 merupakan contoh terbaik bagi perkara tersebut. Oleh itu, penetapan had masa menerusi Arahan Amalan mungkin bertentangan dengan Kaedah-kaedah Mahkamah 2012.

Seterusnya, Tang Jia Yearn et al. (2023) membandingkan peraturan pliding antara Malaysia dengan England. Perbezaan yang ditemukan adalah dari sudut permohonan pembatalan pliding, iaitu mahkamah England boleh menggunakan melainkan jika diperintahkan (unless order) sebelum membatalkan pliding. Kesan daripada “melainkan jika diperintahkan” tersebut menyebabkan pihak lawan diperintahkan untuk membaiki pliding dalam tempoh tertentu dan mahkamah boleh membatalkan pliding sekiranya pihak lawan gagal untuk menuruti perintah mahkamah.

Oleh itu, berdasarkan kajian lepas ini, tiada pengkaji yang menyelidik kerelevanan prinsip common law sememangnya tidak boleh dipertahankan bagi permohonan Aturan 18 Kaedah 19 Kaedah-kaedah Mahkamah 2012 menerusi teori pengadilan pragmatik. Oleh itu, pengkaji menyambung kajian terdahulu yang berkaitan dengan pliding dengan memfokuskan isu tersebut secara terperinci.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan doktrinal bagi menentukan, sama ada mahkamah meletakkan darjah pembuktian yang lebih tinggi daripada kebiasaan kes sivil bagi permohonan Aturan 18 Kaedah 19 Kaedah-kaedah Mahkamah 2012 atau tidak.

Kerangka Teori

Teori pengadilan pragmatik ialah teori undang-undang yang diasaskan oleh Richard Allen Posner, bekas Hakim Mahkamah Rayuan Persekutuan di Amerika Syarikat. Antara *magnum opus* beliau yang berkaitan dengan

teori ini termasuklah *Pragmatic Adjudication* yang diterbitkan pada tahun 1996. Posner (1996) menyatakan bahawa hakim sepatutnya tidak terlalu terikat pada prinsip common law dan seharusnya mengenal pasti penyelesaian yang sesuai yang dapat menyelesaikan kes tersebut. Posner juga menjelaskan bahawa mahkamah boleh menggunakan konsep yang terkandung dalam sains sosial bagi menyelesaikan kes. Dengan cara ini, mahkamah lebih pragmatik untuk menyelesaikan kes.

Setakat ini, teori pengadilan pragmatik berjaya digunakan oleh Mahkamah Hak Asasi Eropah dalam konteks pilihan raya sebagaimana yang diujahkan oleh Kurnosov (2021). Kurnosov (2021) menyatakan bahawa Mahkamah Hak Asasi Eropah secara umumnya memberikan kelonggaran yang luas kepada negara mengenai struktur sistem pilihan raya dan hanya melihat, sama ada negara tersebut menjaga hak untuk mengundi atau tidak. Oleh itu, tumpuan Mahkamah Hak Asasi Eropah hanya terhadap pematuhan prosedural proses pilihan raya, bukannya semakan substantif terhadap hasil pilihan raya. Dengan cara membuat keputusan ini, Mahkamah Hak Asasi Eropah dilihat tidak mencampuri urusan politik sesuatu negara.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Analisis dimulakan dengan meneliti perkembangan dan penerapan undang-undang yang berkaitan dengan permohonan pembatalan pliding melalui analisis perbandingan antara England dengan Malaysia. Perbincangan dimulakan dengan menelusuri sejarah perkembangan undang-undang tersebut dalam kedua-dua bidang kuasa, diikuti oleh analisis terhadap perbezaan pendekatan berhubung dengan prinsip common law sememangnya tidak boleh dipertahankan bagi permohonan pembatalan pliding. Seterusnya, analisis diteruskan dengan menghujahkan bahawa penerapan prinsip tersebut dalam konteks Malaysia mempunyai beberapa kelemahan tertentu dan mencadangkan pendekatan alternatif berdasarkan lensa teori pengadilan pragmatik dicadangkan bagi memastikan pelaksanaan keadilan yang lebih berkesan, fleksibel dan seimbang.

Sejarah Undang-undang Permohonan Pembatalan Pliding bagi England

Undang-undang yang berkaitan dengan permohonan pembatalan pliding dalam sistem perundangan common law pada asalnya merupakan kuasa sedia ada mahkamah (*Metropolitan Bank lwn. Pooley*, 1885). Kemudian,

permohonan pembatalan pliding permohonan tersebut diletakkan dalam undang-undang bertulis prosedur sivil England. Hal ini dapat dilihat berdasarkan Aturan XXVIII Senarai Pertama Akta Kehakiman Mahkamah Agung 1873 (England). Dalam kaedah 1 Aturan XXVIII dinyatakan bahawa pihak litigasi boleh memfailkan permohonan *demurrer* sekiranya terdapat fakta yang menunjukkan bahawa tiada kuasa tindakan atau pembelaan.

Kemudian, permohonan pembatalan pliding berubah dalam Aturan 19 Kaedah 27 dan Aturan 25 Kaedah 4 Kaedah-kaedah Mahkamah Agung 1883 (England). Dalam peruntukan Aturan 19 Kaedah 27 dijelaskan, bahawa mahkamah boleh membatalkan pliding kerana faktor yang tidak perlu, mengaibkan, menjejaskan, menghalang atau melengahkan perbicaraan tindakan itu dengan adil. Aturan 25 Kaedah 4 pula dinyatakan bahawa mahkamah boleh memerintahkan pembatalan pliding sekiranya tidak ditunjukkan bahawa kuasa tindakan atau jawapan, atau tindakan atau pembelaan tersebut adalah remeh atau menyusahkan.

Selepas itu, undang-undang prosedur bagi kes sivil England bertukar kepada Kaedah-kaedah Mahkamah Agung 1965 (England) dan Kaedah-kaedah Mahkamah Kaunti 1981 (England). Permohonan pembatalan pliding diletakkan di bawah Aturan 18 Kaedah 19 Kaedah-kaedah Mahkamah Agung 1965 (England). Dalam Aturan 13 Kaedah 5 Kaedah-kaedah Mahkamah Kaunti 1981 (England) juga ditetapkan bahawa apa-apa kriteria yang ditetapkan dalam Kaedah-kaedah Mahkamah Agung 1965 (England) yang berkaitan dengan permohonan pembatalan pliding terpakai pada Kaedah-kaedah Mahkamah Kaunti 1981.

Aturan 18 Kaedah 19 Kaedah-kaedah Mahkamah Agung 1965 (England) ialah kesinambungan peruntukan Aturan 19 Kaedah 27 dan Aturan 25 Kaedah 4 Kaedah-kaedah Mahkamah Agung 1883 (England) kerana kriteria yang ditetapkan hampir serupa. Hanya kriteria “tak perlu” dalam Kaedah-kaedah Mahkamah Agung 1883 (England) digugurkan daripada Kaedah-kaedah Mahkamah Agung 1965 (England).

Kini, England menggunakan Kaedah 3.4 Kaedah-kaedah Prosedur Sivil 1998 (England) bagi tujuan yang sama. Namun demikian, Kaedah 3.4 Kaedah-kaedah Prosedur Sivil 1998 (England) menggunakan pendekatan yang berbeza jika dibandingkan dengan Aturan 18 Kaedah 19 Kaedah-kaedah Mahkamah Agung 1965 (England). Pertama, kata “pliding” tidak digunakan, sebaliknya Kaedah-kaedah Prosedur Sivil 1998 (England) menggunakan “pernyataan kes” bagi konteks yang sama. Kedua, kriteria yang digunakan sedikit berbeza dan lebih mudah difahami, iaitu:

1. Pernyataan kes tidak menunjukkan sebab yang munasabah bagi tuntutan dan pembelaan;
2. Pernyataan kes ialah suatu penyalahgunaan proses mahkamah atau kemungkinan akan menghalang penyelesaian prosiding dengan adilnya;
3. Kegagalan untuk mematuhi kaedah, arahan amalan dan perintah mahkamah; atau
4. Pihak menuntut gagal untuk menunjukkan bahawa tuntutannya, iaitu litigasi strategik terhadap penyertaan awam yang dikenali sebagai tuntutan SLAPP berdasarkan Seksyen 195 Akta Jenayah Ekonomi dan Ketelusan Korporat 2023 akan berjaya.

Sejarah Undang-undang Permohonan Pembatalan Pliding bagi Malaysia

Pada permulaannya, undang-undang prosedur sivil Malaysia berbeza-beza antara negeri (Duryana Mohamed & Afridah Abas, 2011). Sebagai contoh, Negeri-negeri Selat yang terdiri daripada Singapura, Pulau Pinang dan Melaka, pada permulaannya, menggunakan Ordinan Mahkamah Agung 1868, Ordinan Mahkamah 1873, dan kemudiannya Ordinan Prosedur Sivil 1878 sebagai undang-undang prosedur utama kes sivil. Setelah itu, Ordinan Prosedur Sivil 1878 bertukar kepada Kod Prosedur Sivil 1907. Seterusnya, Kod Prosedur Sivil 1907 digabungkan menjadi Kod Prosedur Sivil 1926. Sebelum dan ketika Perang Dunia ke-2, undang-undang prosedur sivil bagi Negeri-negeri Selat sekali lagi berubah, iaitu kepada Kaedah-kaedah Prosedur Sivil Mahkamah Agung 1934 dan Kaedah-kaedah Mahkamah Daerah 1941.

Johor dan Negeri-negeri Melayu Bersekutu yang terdiri daripada Pahang, Perak, Selangor dan Negeri Sembilan pula menggunakan Kod Prosedur Sivil 1918 bagi menggantikan undang-undang bertulis prosedur kes sivil yang digubal oleh negeri tersebut secara berasingan sebelum ini. Negeri lain, seperti Kedah, Perlis, Terengganu dan Kelantan, menggunakan undang-undang bertulis prosedur sivil yang berbeza antara satu dengan lain (Sheridan et al., 1961).

Setelah Malayan Union dan Persekutuan Tanah Melayu dibentuk antara tahun 1946–1948, Kaedah-kaedah Mahkamah Daerah 1941 yang digunakan di Pulau Pinang dan Melaka digantikan dengan Kaedah-kaedah Mahkamah Rendah 1950 (*Chung Guat Hooi (MW) lwn. Gh Goh*, 1954). Negeri lain juga mula menggunakan Kaedah-kaedah Mahkamah Rendah 1950 (*Lee Soo Chuan lwn. Lai Ah Yan*, 1972). Namun begitu, Kod Prosedur Sivil 1918, Kaedah-kaedah Prosedur Sivil

Mahkamah Agung 1934 dan undang-undang prosedur kes sivil negeri lain masih kekal sehinggalah Ordinan Kod Prosedur Sivil (Mansuh) 1957 berkuat kuasa pada 1 April 1958. Kesan daripada itu, semua negeri Persekutuan Tanah Melayu mula menggunakan satu peraturan prosedur kes sivil yang sama, iaitu Kaedah-kaedah Mahkamah Agung 1957 (*Phanpow lwn. Tuck Lee Mining & Co*, 1959).

Bagi Sarawak, negeri ini tidak mempunyai undang-undang prosedur sivil ketika penjajahan keluarga Brooke (Boyd, 1936). Syarikat Berpiagam Borneo Utara British menggunakan undang-undang prosedur sivil daripada British India bagi mentadbir sistem kehakiman Sabah (Macaskie, 1921). Apabila British mengambil alih pentadbiran penjajahan Sabah dan Sarawak pada tahun 1946, Sabah dan Sarawak mula menerima undang-undang bertulis prosedur kes sivil bagi kali pertama. Undang-undang tersebut ialah Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi (Prosedur Sivil) Sarawak, Borneo Utara dan Brunei 1951 yang berkuat kuasa pada 15 Januari 1953. Selepas Sabah dan Sarawak menyertai Malaysia pada September 1963, Kaedah-kaedah Mahkamah Agung 1957 digunakan bagi prosedur sivil (*Jak Kwang Builders & Developers Sdn. Bhd. lwn. Pembinaan TJL (Sarawak) Sdn. Bhd.*, 2001).

Kemudian, Kaedah-kaedah Mahkamah Rendah 1950 dan Kaedah-kaedah Mahkamah Agung 1957 digantikan dengan Kaedah-kaedah Mahkamah Rendah 1980 dan Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980. Pada masa ini, permohonan pembatalan pliding mula muncul secara sistematik dalam sistem kehakiman Malaysia dan menyamai Kaedah-kaedah Mahkamah Agung 1965 di England. Permohonan pembatalan pliding boleh difailkan di bawah Aturan 14 Kaedah 21 Kaedah-kaedah Mahkamah Rendah 1980 dan Aturan 18 Kaedah 19 Kaedah Mahkamah-mahkamah Tinggi 1980 yang mana mempunyai kriteria yang seperti Aturan 18 Kaedah 19 Kaedah-kaedah Mahkamah Agung 1965 (England).

Selepas Kaedah-kaedah Mahkamah 2012 digubal, walaupun terdapat beberapa perubahan prosedur bagi kes sivil, kriteria bagi permohonan pembatalan pliding masih kekal sama dengan Aturan 14 Kaedah 21 Kaedah-kaedah Mahkamah Rendah 1980 dan Aturan 18 Kaedah 19 Kaedah Mahkamah-mahkamah Tinggi 1980 dan berada di bawah Aturan 18 Kaedah 19 Kaedah-kaedah Mahkamah 2012. Dalam Aturan 18 Kaedah 19 diperuntukkan bahawa mahkamah boleh membatalkan pliding jika berlaku satu daripada empat situasi berikut, iaitu:

1. Pliding mendedahkan kausa tindakan atau pembelaan yang tidak munasabah, mengikut mana-mana yang berkenaan;
2. Pliding mengaibkan, remeh atau menyusahkan;

3. Pliding dapat menjejaskan, menghalang atau melengahkan perbicaraan tindakan itu dengan adil; atau
4. Pliding selainnya ialah suatu penyalahgunaan proses mahkamah.

Prinsip Common Law Sememangnya Tidak Boleh Dipertahankan Bagi Permohonan Pembatalan Pliding di England

Secara umumnya, prinsip common law sememangnya tidak boleh dipertahankan bermula pada abad ke-19 apabila Kaedah-kaedah Mahkamah Agung 1883 (England) diperkenalkan. Hal ini dikatakan demikian kerana badan kehakiman England mendapati bahawa kriteria bagi permohonan *demurrer* di bawah Akta Kehakiman Mahkamah Agung 1873 (England) lebih cenderung untuk membatalkan pliding walaupun kecacatan pliding tersebut masih boleh diperbaiki (*Republic of Peru* lwn. *Peruvian Guano Co*, 1887). Oleh itu, permohonan pembatalan pliding di bawah Aturan 19 Kaedah 27 dan Aturan 25 Kaedah 4 Kaedah-kaedah Mahkamah Agung 1883 (England) direka untuk menyukarkan pembatalan pliding oleh mahkamah berbanding dengan permohonan *demurrer* sebelum ini. Dengan berdasarkan proses tafsiran ini, lahirlah prinsip common law sememangnya tidak boleh dipertahankan.

Di England, antara kes terawal pengiktiraf prinsip common law sememangnya tidak boleh dipertahankan termasuklah kes *Metropolitan Bank* lwn. *Pooley* (1885). Dalam kes ini, plaintif menyaman defendan sebanyak dua kali atas kuasa tindakan yang sama. Hal ini menyebabkan Dewan Pertuanan membenarkan pembatalan tuntutan kedua dengan alasan bahawa tuntutan tersebut tidak dapat dipertahankan.

Namun demikian, pada abad ke-20, badan kehakiman England lebih cenderung untuk menolak permohonan pembatalan pliding. Hal ini dikatakan demikian kerana badan kehakiman England pada zaman tersebut lebih menekankan prinsip common law hak capaian yang sama terhadap keadilan (Chan et al., 2007). Dalam prinsip common law hak capaian yang sama terhadap keadilan setiap orang mempunyai hak untuk berhujah di mahkamah, termasuklah hak untuk mendapatkan capaian dan kemuktamadan perbicaraan (Mohideen Abdul Kader, 2005).

Atas faktor tersebut, mahkamah England lebih mengutamakan perbicaraan berbanding dengan permohonan interlokutori bagi penyelesaian kes. Hal ini dikatakan demikian kerana mahkamah dapat menilai sendiri peri laku dan kualiti keterangan yang diberikan oleh saksi ketika perbicaraan berbanding dengan keterangan melalui affidavit yang mana didrafkan oleh peguam. Dengan berdasarkan faktor ini, mahkamah berpandangan bahawa prinsip common law bagi hak capaian yang sama

terhadap keadilan hanya dapat dicapai sekiranya berlakunya penyelesaian kes melalui perbicaraan.

Antara contoh kes pada abad ke-20 yang dapat digunakan termasuklah *Netz lwn. Ede* (1946) dan *Wenlock lwn. Moloney* (1965). Dalam kes *Netz lwn. Ede* (1946), plaintif yang merupakan warganegara Jerman memfailkan permohonan bagi mencabar tindakan defendan yang ingin mendeportasi plaintif ke Jerman. Dalam hal ini defendan memfailkan permohonan pembatalan pliding. Deportasi ingin dilakukan ke negara defendan, iaitu England yang sedang berperang dengan Jerman. Oleh itu, defendan beranggapan bahawa plaintif ialah musuh England. Dalam kes ini, mahkamah membenarkan permohonan pembatalan pliding, tetapi memberikan peluang kepada plaintif untuk menfailkan pindaan untuk menunjukkan bahawa plaintif bukan warganegara Jerman atau peperangan telah tamat.

Situasi sama berlaku dalam kes *Wenlock lwn. Moloney* (1965) yang menggunakan Kaedah-kaedah Mahkamah Agung 1965 (England). Dalam kes ini, plaintif menuntut pampasan daripada defendan kerana dikatakan berkomplot untuk menyingkirkan plaintif daripada pemilikan saham yang berkaitan dengan perniagaan. Defendan memfailkan permohonan pembatalan pliding dan mahkamah membenarkannya. Namun demikian, Mahkamah Rayuan England membenarkan rayuan plaintif dengan hujah bahawa penyelesaian kes yang kompleks menerusi keterangan affidavit semata-mata bukan amalan dalam pentadbiran sivil mahkamah England dan kes seperti ini hanya dapat diselesaikan melalui proses perbicaraan.

Kemudian, apabila Kaedah 3.4 Kaedah-kaedah Prosedur Sivil 1998 diperkenalkan, berlaku beberapa modifikasi terhadap prinsip common law sememangnya tidak boleh dipertahankan. Sebagai contoh, dalam kes *Sinclair lwn. Chief Constable of West Yorkshire* (2000), Mahkamah Rayuan England melihat Kaedah-kaedah Prosedur Sivil 1998 secara keseluruhan yang menekankan aspek kecekapan dari sudut kos dan masa walaupun terdapat persamaan dari sudut penggunaan bahasa antara Kaedah-kaedah Prosedur Sivil 1998 dengan peraturan prosedur sivil England sebelum ini. Oleh itu, Mahkamah Rayuan England lebih terbuka untuk membatalkan pernyataan kes sekiranya kes tersebut tiada harapan untuk menang dan perbicaraan hanya membuang masa, atau tuntutan dan pembelaan tersebut bertentangan dengan undang-undang (Jackson, 2016).

Selain itu, prinsip common law sememangnya tidak boleh dipertahankan dimitigasi menerusi Kaedah 3.4(2)(c) Kaedah-kaedah Prosedur Sivil 1998. Kaedah 3.4(2)(c) memberikan kuasa kepada mahkamah untuk membatalkan kes sekiranya pihak litigasi gagal

untuk mematuhi kaedah, arahan amalan dan perintah mahkamah. Kaedah 3.4(2)(c) perlu dibaca Bersama-sama dengan Kaedah 1.4(2)(d) Kaedah-kaedah Prosedur Sivil 1998 yang menghendaki mahkamah untuk bersifat proaktif dalam pengurusan perjalanan kes termasuklah keperluan untuk menentukan isu yang perlu diselesaikan terlebih dahulu.

Oleh itu, mahkamah boleh mengeluarkan perintah bagi memastikan perjalanan kes berkesan. Antara contoh perintah termasuklah keperluan pihak litigasi untuk mematuhi masa yang ditetapkan oleh mahkamah. Sekiranya pihak litigasi gagal untuk mematuhinya, mahkamah boleh membatalkan pernyataan kes yang relevan. Situasi ini berbeza daripada prinsip common law sememangnya tidak boleh dipertahankan yang mahkamah tidak boleh sewenang-wenangnya membatalkan pliding walaupun terdapat kelewatan dalam penyelesaian kes. Prinsip common law sememangnya tidak boleh dipertahankan hanya membenarkan pembatalan pliding sekiranya kelewatan tersebut dapat menyebabkan perbicaraan tersebut menjadi tidak adil (*John Lancaster Radiators Ltd. lwn. General Motor Radiator Co Ltd.*, 1946).

Antara contoh pemakaian Kaedah 3.4(2)(c) ialah *Purdy lwn. Cambran* (1999) dan *Wearn lwn. HNH International Holdings Ltd.* (2014). Dalam kes *Purdy lwn. Cambran* (1999), mahkamah mengarahkan pembatalan tuntutan plaintif yang berkaitan dengan kemalangan jalan raya. Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat kelewatan yang tidak munasabah apabila perbicaraan masih belum dilaksanakan hingga tahun 1999 walaupun kes difailkan pada tahun 1992. Mahkamah Rayuan England juga menyatakan bahawa seharusnya hakim perbicaraan memberikan arahan kepada plaintif untuk menyelesaikan kes dengan berkesannya berdasarkan peruntukkan Kaedah 3.4(2)(c), namun gagal untuk berbuat demikian.

Fakta yang hampir sama juga dinyatakan dalam kes *Maqsood lwn. Mahmood* (2012). Fakta kes ini ialah plaintif menyaman defendan kerana defendan pertama gagal untuk mematuhi perjanjian bagi menjual perniagaan defendan pertama kepada plaintif. Punca defendan kedua disaman ialah plaintif menuduh defendan kedua berpakat dengan defendan pertama untuk menipu plaintif ketika mematuhi perjanjian tersebut. Defendan pertama menyatakan bahawa perniagaan tersebut telah dipindahkan kepada plaintif, tetapi defendan kedua menafikan tuduhan plaintif dengan menyatakan bahawa dirinya tidak terlibat dalam perjanjian tersebut. Namun demikian, plaintif gagal untuk mematuhi masa yang ditetapkan oleh mahkamah, seperti pertukaran kenyataan saksi dan ikatan dokumen. Oleh itu, mahkamah melihat ketidakpatuhan tersebut sebagai punca untuk membatalkan tuntutan plaintif.

Prinsip Common Law Sememangnya Tidak Boleh Dipertahankan Bagi Permohonan Pembatalan Pliding di Malaysia

Secara umumnya, apabila Persekutuan Tanah Melayu merdeka pada 31 Ogos 1957, prinsip common law dibenarkan untuk menjadi sumber undang-undang sekiranya terdapat perundangan pemboleh (enabling legislation) sebagaimana takrifan undang-undang yang terkandung dalam Perkara 160(2) Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu, prinsip common law sememangnya tidak boleh dipertahankan bagi permohonan pembatalan pliding menjadi sumber undang-undang di Malaysia. Selain itu, Aturan 18 Kaedah 19 Kaedah-kaedah Mahkamah 2012 juga digubal berdasarkan permohonan pembatalan pliding sebagaimana yang ditetapkan dalam Kaedah-kaedah Mahkamah Agung 1883 (England) dan Kaedah-kaedah Mahkamah Agung 1965 (England). Oleh itu, segala keputusan badan kehakiman England sebelum Kaedah-kaedah Prosedur Sivil 1998 yang berkuat kuasa pada 26 April 1999 masih menjadi autoriti berpengaruh apabila berkaitan dengan permohonan pembatalan pliding.

Pada masa yang sama, prinsip common law bagi hak capaian yang sama terhadap keadilan yang berkait rapat dengan prinsip common law sememangnya tidak boleh dipertahankan bagi permohonan pembatalan pliding juga diiktiraf oleh badan kehakiman Malaysia sebagai satu daripada cabang hak asasi kesamarataan di bawah Perkara 8(1) Perlembagaan Persekutuan (*Pihak Berkuasa Tatatertib Majlis Perbandaran Seberang Perai lwn. Muziadi bin Mukhtar*, 2020). Dalam Perkara 8(1), semua orang sama rata pada sisi undang-undang dan berhak untuk mendapat perlindungan yang sama rata di sisi undang-undang. Undang-undang dalam konteks Perkara 8(1) termasuk hak asasi yang diiktiraf oleh common law. Dengan berdasarkan faktor tersebut, badan kehakiman Malaysia masih mengekalkan prinsip common law sememangnya tidak boleh dipertahankan sejak kes *Bandar Builder Sdn. Bhd. lwn. United Malayan Banking Corporation* diputuskan pada tahun 1993. Fakta ini dapat dibuktikan dalam kes di Mahkamah Persekutuan, iaitu *Seruan Gemilang Makmur Sdn. Bhd. lwn. Kerajaan Negeri Pahang Darul Makmur* (2016).

Kes *Seruan Gemilang Makmur Sdn. Bhd. lwn. Kerajaan Negeri Pahang Darul Makmur* (2016) berlaku apabila defendan menyaman plaintif, iaitu Kerajaan Negeri Pahang, berhubung dengan suatu konsesi pembalakan. Pada akhir kes tersebut, defendan berjaya membuktikan tuntutanannya dan Mahkamah Persekutuan menolak permohonan plaintif untuk mendapatkan kebenaran merayu. Kemudian, plaintif menfailkan tuntutan baharu terhadap defendan bagi mencabar keputusan tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana plaintif mendapati bahawa tuntutan defendan dilakukan berdasarkan maklumat palsu. Lanjutan daripada itu, defendan memfailkan

permohonan pembatalan pliding atas isu *res judicata*. Namun demikian, Mahkamah Persekutuan menolak permohonan defendan kerana prinsip common law *res judicata* tidak terpakai sekiranya keputusan terdahulu diperoleh menerusi keterangan palsu. Oleh itu, kes seperti ini hanya dapat diselesaikan melalui perbicaraan.

Kelemahan Prinsip Common Law Sememangnya Tidak Boleh Dipertahankan dari Sudut Teori Pengadilan Pragmatik

Secara umumnya, prinsip common law sememangnya tidak boleh dipertahankan mempunyai tiga kelemahan dari lensa teori pengadilan pragmatik. Pertama, menghalang penyelesaian kes secara berkesan. Penyelesaian kes secara berkesan dalam konteks sistem perundangan Malaysia bermaksud bahawa mahkamah berjaya menyelesaikan kes dalam tempoh penanda aras yang ditetapkan oleh sistem kehakiman Malaysia. Hasil kajian menunjukkan bahawa penanda aras yang ditetapkan oleh sistem kehakiman Malaysia untuk menyelesaikan kes sekurang-kurangnya dalam tempoh tiga bulan hingga dua belas bulan bergantung pada hierarki dan jenis kes mahkamah tersebut (Azahar Mohamed, 2015; Raus Sharif, 2017).

Sebagai contoh, badan kehakiman meletakkan tanda aras enam bulan dari tarikh pendaftaran kes atau sembilan bulan dari tarikh pendaftaran kes sekiranya isu melibatkan kecederaan diri atau kemalangan jalan raya bagi mahkamah majistret sivil Semenanjung Malaysia bagi menyelesaikan kes (Pekeliling Ketua Pendaftar, 2017). Bagi mahkamah seksyen sivil Semenanjung Malaysia pula, kes perlu diselesaikan dalam tempoh sembilan bulan dari tarikh pendaftaran kes (Pekeliling Ketua Pendaftar, 2017). Bagi kes tuntutan sivil yang berkaitan dengan isu alam sekitar, kes tersebut perlu diselesaikan dalam tempoh sembilan bulan dari tarikh pendaftaran kes (Arahan Amalan, 2015). Bekas Hakim Besar Malaya, Yang Amat Arif, Azahar Mohamed menyatakan bahawa Mahkamah Tinggi Sivil perlu menyelesaikan kes dalam tempoh sembilan bulan dari tarikh penfailan (Azahar Mohamed, 2015).

Pada tahun 2020 ke atas, terdapat perubahan garis masa bagi penyelesaian kes. Antaranya termasuklah mahkamah tinggi di Semenanjung Malaysia perlu menyelesaikan permohonan interlokutori bagi tuntutan writ saman 50 hari dari tarikh penfailan permohonan tersebut (Arahan Amalan, 2020). Bagi kes tuntutan berasaskan saman pemula, kes hendaklah diselesaikan dalam tempoh enam bulan dari tarikh penfailan kes bagi semua mahkamah di Semenanjung Malaysia (Surat Penting Hakim Besar Malaya, 2025).

Secara keseluruhan, penanda aras sistem kehakiman Malaysia adalah hampir sama dengan kajian yang dilakukan oleh Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD), iaitu kes dapat diselesaikan dalam tempoh 240 hari secara umumnya (Palumbo et al., 2013). Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi merupakan organisasi antarabangsa yang terdiri daripada negara maju, seperti Itali, Jepun, Jerman, Perancis dan Sepanyol. Selain itu, negara yang menggunakan sistem perundangan common law, seperti Amerika Syarikat, Australia, Kanada, New Zealand, Republik Ireland dan United Kingdom, juga ahli organisasi antarabangsa tersebut. Oleh itu, penanda aras tersebut sesuai digunakan sebagai perbandingan kerana penyelidikan yang dilakukan oleh Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi berdasarkan data negara maju yang mempunyai sistem kehakiman moden yang lebih lama dari sudut penubuhannya berbanding dengan Malaysia.

Selain itu, Singapura juga menetapkan penanda aras yang hampir sama, iaitu mahkamah perlu memulakan pembicaraan dalam tempoh sembilan bulan dari tarikh kes difailkan menerusi permohonan Laluan Ekspres (Express Track) sebagaimana yang terkandung dalam Aturan 46A Kaedah 5 Kaedah-kaedah Mahkamah 2021 Singapura.

Sebelum ini, Ketua Hakim Negara Singapura, Sundaresh Menon menyatakan bahawa pada tahun 2016, mahkamah agung berjaya menyelesaikan 85% kes writ dalam tempoh 18 bulan dari tarikh pemfailan dan rekod tersebut konsisten lebih daripada sepuluh tahun (Ministry of Law, The Government of Singapore, 2021). Penanda aras sistem kehakiman Singapura juga penting untuk digunakan kerana sebahagian daripada sistem perundangan common law dan sistem kehakimannya juga diiktiraf sebagai antara yang terbaik di dunia (Whalen-Bridge, 2019).

Namun demikian, terdapat beberapa situasi dalam sistem kehakiman Malaysia yang kesnya tidak berjaya dilupuskan mengikut penanda aras kerana terikat pada prinsip common law sememangnya tidak boleh dipertahankan. Selain kes *Norlen Hassan lwn. Siti Rohayah Abu* (2017), terdapat dua kes yang mahkamah di bahagian rayuan menolak permohonan pembatalan pliding atas faktor yang sama. Senarai kes antara tahun 2020–2025 yang permohonan pembatalan pliding ditolak oleh mahkamah ditunjukkan dalam Jadual 1.

Dalam kes *Sathish Kumar Ayyaswamy lwn. Peeran Syed Mohamed Syed Mahaboob* (2023), hakim bicara memutuskan untuk membatalkan tuntutan plaintif kerana isu yang berbangkit dapat diselesaikan menerusi persoalan undang-undang sahaja. Sebab pertama ialah kenyataan mencarut oleh defendan tidak menyebabkan reputasi plaintif tercalar. Sebab kedua ialah plaintif gagal untuk menamakan pihak yang mendengar

kenyataan yang dikatakan slander dalam pernyataan tuntutan. Namun demikian, mahkamah rayuan membenarkan rayuan terhadap perintah pembatalan tuntutan tersebut kerana berpendapat bahawa keterangan saksi perlu didengar terlebih dahulu selaras dengan prinsip common law sememangnya tidak boleh dipertahankan.

Kes *Kerajaan Malaysia lwn. LFL Sdn. Bhd.* (2022) pula ialah isu sama ada mahkamah di Malaysia boleh menentukan kesahan undang-undang Singapura yang berkaitan dengan jenayah fitnah atau tidak. Kerajaan Malaysia memfailkan permohonan untuk membatalkan tuntutan plaintif kerana mahkamah Malaysia tidak mempunyai bidang kuasa untuk menentukan kes sedemikian. Mahkamah tinggi membenarkan permohonan tersebut kerana isu yang dibangkitkan oleh plaintif hanya yang berkaitan dengan undang-undang. Namun demikian, kes tersebut berlarutan sehingga peringkat mahkamah persekutuan. Dalam hal ini, mahkamah memerintah supaya kes tersebut melalui perbicaraan penuh atas prinsip common law sememangnya tidak boleh dipertahankan.

Contoh lain yang dapat digunakan ialah kes mahkamah persekutuan, *Ng Wai Pin lwn. Ong Yew Teik* (2025). Kes ini jelas menunjukkan bahawa sekiranya mahkamah tidak terlalu terikat pada prinsip common law sememangnya tidak boleh dipertahankan, kes dapat diselesaikan dengan lebih mudah. Perbandingan dapat dilakukan antara keputusan majoriti dengan keputusan minoriti. Keputusan majoriti tidak terlalu menekankan prinsip common law sememangnya tidak boleh dipertahankan, manakala keputusan minoriti sebaliknya.

Fakta dalam kes *Ng Wai Pin lwn Ong Yew Teik.* (2025) bermula apabila plaintif menyaman seorang daripada defendan sebelum itu kerana gagal untuk membayar saham bagi sesuatu syarikat. Kes tersebut berakhir dengan kejayaan plaintif untuk membuktikan kesnya. Selanjutnya, plaintif menyaman defendan atas tuduhan bahawa defendan berpakat untuk menyebabkan plaintif rugi bagi tuntutan yang sebelum itu. Antaranya termasuklah defendan dikatakan memberikan kenyataan palsu ketika menjadi saksi bagi tuntutan plaintif sebelumnya. Oleh itu, tuntutan plaintif berkisarkan tort konspirasi, penyalahgunaan proses mahkamah, fraud dan pendakwaan niat jahat. Defendan memfailkan permohonan untuk membatalkan pliding atas tiga sebab utama, iaitu defendan mempunyai kekebalan sebagai saksi dari sudut common law, tort konspirasi dan pendakwaan niat jahat tidak wujud sebagai undang-undang dalam sistem kehakiman Malaysia dan isu kerugian plaintif sebenarnya telah diputuskan dalam tuntutannya sebelum ini.

Atas faktor tersebut, pihak yang mempunyai keputusan majoriti berpendapat bahawa isu yang berbangkit hanya melibatkan persoalan

undang-undang dan bersetuju dengan permohonan defendan. Namun demikian, pihak yang mempunyai keputusan minoriti berpendapat bahawa perbicaraan perlu dijalankan kerana berpegang pada prinsip common law sememangnya tidak boleh dipertahankan. Hal ini dikatakan demikian kerana pihak yang mempunyai keputusan minoriti berpegang pada pendapat bahawa tuntutan plaintif perlu diuji sepenuhnya terlebih dahulu untuk menentukan, sama ada perkara itu dapat mewujudkan kausa tindakan atau tidak.

Oleh itu, berdasarkan kes tersebut, prinsip common law sememangnya tidak boleh dipertahankan menyebabkan mahkamah tidak pragmatik untuk menyelesaikan kes dengan berkesannya. Faktor ini secara tidak langsung menyebabkan peningkatan bebanan kes mahkamah. Kini, beban kes yang tinggi antara isu yang berlegar dalam bidang kehakiman. Hal ini dapat dibuktikan dengan kenyataan Ketua Hakim Negara, Yang Amat Arif Wan Ahmad Farid Wan Salleh yang menyatakan bahawa mahkamah mempunyai beban kes yang sangat tinggi pada masa ini (Audrey Dermawan, 2025).

Sebagai contoh, hakim Mahkamah Johor Bahru kini mempunyai 800 kes aktif, iaitu bersamaan tiga kali ganda daripada beban kerja munasabah (Audrey Dermawan, 2025). Faktor tersebut tidak mengejutkan jika dibandingkan dengan nisbah antara hakim mahkamah atasan dengan jumlah populasi di Malaysia. Sehingga 7 Disember 2025, hakim mahkamah atasan hanya berjumlah sebanyak 148 orang jika dibandingkan dengan jumlah penduduk Malaysia sebanyak 34.2 juta pada tahun 2025 (Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman, t.t.; Jabatan Perangkaan Malaysia, 2025). Oleh itu, seorang hakim mahkamah atasan perlu bertanggungjawab terhadap 231,000 penduduk.

Sebab kedua ialah prinsip common law sememangnya tidak boleh dipertahankan telah melanggar prinsip common law imbalan kebarangkalian yang biasa digunakan dalam kes sivil. Hal ini dikatakan demikian kerana prinsip common law sememangnya tidak boleh dipertahankan telah memberikan justifikasi kepada mahkamah untuk menolak permohonan Aturan 18 Kaedah 19 walaupun hujahan pihak lawan dalam permohonan tersebut lemah. Hal ini menyebabkan darjah pembuktian seperti kes jenayah, iaitu satu pihak hanya perlu membuktikan keraguan munasabah. Sepatutnya, dalam kes sivil, mahkamah hanya perlu memilih keterangan yang lebih kuat untuk membenarkan atau menolak tuntutan. Prinsip common law sememangnya tidak boleh dipertahankan tersebut menyebabkan dwistandard apabila pihak yang melawan permohonan tersebut tidak mempunyai beban pembuktian yang sama dengan pihak pemohon.

Faktor ini berlaku kerana mahkamah di Malaysia cenderung untuk merujuk keputusan penghakiman England pada abad ke-20 yang menekankan aspek common law hak capaian yang sama terhadap keadilan, bukannya keputusan pada abad ke-21 yang lebih menekankan aspek kecekapan dari sudut kos dan masa. Oleh itu, badan kehakiman Malaysia masih terikat pada keputusan penghakiman yang berkaitan dengan permohonan pembatalan pliding bagi Kaedah-kaedah Mahkamah Agung 1883 (England) dan Kaedah-kaedah Mahkamah Agung 1965 (England) kerana Kaedah-kaedah Mahkamah 2012 yang digunakan di Malaysia dirangka berasaskan undang-undang tersebut.

Sebab ketiga ialah apabila penolakan permohonan oleh mahkamah atas kelemahan pihak lawan memberikan persepsi bahawa mahkamah cuba memperbaiki kes pihak lawan. Mahkamah sepatutnya bersifat neutral dalam apa-apa jua keadaan sekalipun. Hal ini dikatakan demikian kerana keadaan tuntutan sivil seperti pertandingan, iaitu pihak litigasi bersaing untuk menyakinkan mahkamah (Leggatt, 2023). Atas faktor ini, sistem perundangan common law meletakkan prinsip common law imbalan kebarangkalian sebagai darjah pembuktian bagi kes sivil sejak abad ke-19 (Leubsdorf, 2015). Oleh itu, menjadi amalan mahkamah sivil untuk tidak memperbaiki kes pihak lawan atau mengubah apa-apa jua fakta yang termaktub antara setiap pihak (*Catajaya lwn. Shoppoint*, 2021).

Penilaian Semula Terhadap Prinsip Common Law Sememangnya Tidak Boleh Dipertahankan

Pengkaji mencadangkan keperluan mahkamah untuk menilai semula prinsip common law sememangnya tidak boleh dipertahankan dengan tiga faktor. Pertama, mahkamah seharusnya mengambil kira merit kes permohonan Aturan 18 Kaedah 19 (Chooi et al., 2019). Oleh itu, permohonan interlokutori, seperti Aturan 18 Kaedah 19, mampu mengurangkan beban kes hakim.

Hal ini dapat dilihat di Singapura apabila terdapat beberapa kes yang mahkamah menilai sepenuhnya merit kes dalam permohonan pembatalan pliding. Antaranya termasuklah *TPY lwn. DZI* (1997) dan *Bae Junho lwn. Samuel Lathan Daimwood* (2019). Dalam kes *TPY lwn. DZI* (1997), mahkamah membatalkan saman yang berkaitan dengan tort godaan terhadap perosak rumah tangga setelah menilai kausa tindakan dan mendapatinya tidak lagi relevan dalam konteks masyarakat Singapura.

Kes *Bae Junho lwn. Samuel Lathan Daimwood* (2019) pula merujuk tort kecuaian terhadap perosak rumah tangga dan institusi pendidikan swasta.

Dalam kes ini, suami mendapati isterinya curang dengan pensyarahnya. Lanjutan daripada fakta tersebut, suami dikatakan mengalami masalah mental, seperti kemurungan. Oleh itu, suami menyaman pensyarah dan institusi pendidikan swasta tersebut kerana segala aktiviti pengenalan antara isteri dengan pensyarahnya bermula di institusi pendidikan swasta tersebut. Namun demikian, mahkamah membenarkan permohonan pembatalan tuntutan kerana tuntutan tort kecuiaan hanyalah hujahan ciptaan yang pada dasarnya merupakan tuntutan tort godaan yang telah lupus di Singapura. Atas fakta tersebut, pihak institusi pendidikan swasta, selaku majikan pensyarah tersebut, tidak mempunyai liabiliti vikarius terhadap tuntutan suami.

Kedua, penyelesaian kes perlu dilakukan secara berkesan sekiranya tuntutan hanya melibatkan persoalan undang-undang. Hal ini dikatakan demikian kerana segala keterangan yang berkaitan dengan persoalan undang undang secara kebiasaannya hanya melibatkan hujah peguam dan mahkamah tidak perlu meneliti keterangan mana-mana saksi (Hickinbottom et al., 2022). Oleh itu, sekiranya terdapat permohonan pembatalan, mahkamah dapat melihatnya pada merit kes dan terus menetapkan keputusan bagi kes tersebut.

Ketiga, amalan di England yang menggunakan pengurusan kes dalam penentuan, sama ada keperluan untuk permohonan pembatalan pliding perlu diambil contoh atau tidak (Hickinbottom et al., 2022). Peraturan yang hampir sama wujud dalam Aturan 34 Kaedah-kaedah Mahkamah 2012. Oleh itu, bagi pengurusan kes, mahkamah boleh memberikan arahan kepada pihak, sama ada terdapat keperluan untuk memfailkan permohonan pembatalan sejurus tempoh penyerahan pliding tamat atau tidak. Sekiranya peguam menyatakan bahawa tiada keperluan untuk memfailkan permohonan pembatalan, mahkamah perlu menetapkan tarikh perbicaraan.

Namun demikian, sekiranya terdapat permohonan pembatalan walaupun peguam pada peringkat awal menyatakan sebaliknya, prinsip common law estoppel akan terpakai. Common law estoppel bermaksud apabila seseorang mengaku melalui kata-kata atau perlakuannya dan menyebabkan orang lain mempercayai kenyataan tersebut, dia tidak boleh menarik balik kenyataan tersebut kerana akan menyebabkan ketidakadilan terhadap orang lain (Kwai, 1997).

Antara contoh estoppel termasuklah dalam kes Fortune Pharmacal Co Falcon Insurance Company (Hong Kong) (2023). Terdapat dua kes dalam tindakan ini. Kes pertama antara majikan, kontraktor dan syarikat insurans. Majikan melantik kontraktor untuk projek pembinaan di Yuen

Long. Bagi projek pembinaan tersebut, syarikat insurans memberikan bon jaminan kepada majikan sekiranya kontraktor gagal untuk melaksanakan tugasnya. Majikan menyaman kontraktor dan syarikat insurans tersebut disebabkan oleh kegagalan untuk melaksanakan projek tersebut.

Kes kedua ialah timbang tara yang difailkan oleh kontraktor terhadap majikan untuk menentukan, sama ada kontraktor menjalankan tugasnya atau tidak. Syarikat insurans tidak terbabit dalam kes kedua. Kontraktor pula memohon untuk penangguhan prosiding bagi kes pertama. Hal ini dikatakan demikian kerana syarikat insurans memberikan jaminan bahawa kontraktor terikat dengan keputusan timbang tara. Dengan berdasarkan jaminan syarikat tersebut, mahkamah membenarkan penangguhan kes. Kes ini menunjukkan bahawa estoppel boleh digunakan untuk mengurangkan kegandaan kes di mahkamah.

Sejak tahun 2020, badan kehakiman juga meletakkan garis masa bagi setiap permohonan interlokutori di Semenanjung Malaysia, iaitu dalam tempoh 14 dari tarikh pengurusan kes kali pertama (Arahan Amalan, 2020). Pada masa yang sama, mahkamah diberi kuasa untuk membatalkan tindakan sekiranya berlaku ketidakpatuhan perintah yang dikeluarkan ketika pengurusan kes (Arahan Amalan, 2020). Penegasan sekali lagi juga dinyatakan pada tahun 2021 (Arahan Amalan, 2021).

Antara contoh pemakaian Arahan Amalan tersebut termasuklah dalam kes *Koperasi Teksi Johor Bahru lwn. Nor Amali Mohd Salleh* (2024). Dalam kes ini, mahkamah membatalkan permohonan pemindaan pembelaan kerana kegagalan untuk mematuhi masa yang ditetapkan ketika pengurusan kes. Ketika pengurusan kes, mahkamah memberikan perintah bahawa sebarang permohonan interlokutori perlu difailkan selewat-lewatnya pada 7 Januari 2024. Namun demikian, permohonan untuk meminda pembelaan difailkan pada 17 April 2024. Oleh sebab kelewatan tersebut, mahkamah memutuskan bahawa permohonan tersebut tidak dilakukan secara ikhlas dan bertujuan untuk melambatkan proses mahkamah.

KESIMPULAN

Menerusi kajian ini, pengkaji mencadangkan bahawa Aturan 18 Kaedah 19 perlu dinilai semula bagi mengembalikan keseimbangan antara keperluan untuk keadilan dengan keberkesanan dalam sistem kehakiman dengan menggunakan teori pengadilan pragmatik. Saranan utama ialah mahkamah perlu lebih memberikan perhatian terhadap merit kes pada peringkat awal permohonan dengan membenarkan penilaian kes berdasarkan hujahan undang-undang yang diajukan. Pendekatan ini membantu mempercepat penyelesaian kes yang hanya melibatkan persoalan undang-undang, sekali

gus mengurangkan beban pada sistem kehakiman yang makin terbeban dengan jumlah kes yang makin meningkat. Dengan mengadaptasi amalan yang lebih fleksibel seperti yang diamalkan oleh negara lain, seperti Singapura dan England, Malaysia dapat mencapai keseimbangan yang lebih baik untuk mempercepat proses undang-undang dan memastikan bahawa setiap pihak mendapat peluang yang adil untuk membela kes masing-masing.

Secara keseluruhan, penilaian semula terhadap Aturan 18 Kaedah 19 Kaedah-kaedah Mahkamah 2012 penting untuk memastikan sistem kehakiman Malaysia berfungsi dengan lebih berkesan, adil dan mengikut prinsip asas keadilan yang tidak berat sebelah. Dengan pendekatan yang lebih holistik dan memfokuskan merit kes, serta memberikan ruang prosedur yang lebih fleksibel, Malaysia boleh mengurangkan ketidakcekapan dalam penyelesaian kes sivil.

PENGHARGAAN

Pengarang merakamkan penghargaan kepada semua pihak, terutamanya Fakulti Undang-undang Universiti Teknologi MARA, Raub, Pahang, yang telah membantu untuk melengkapkan makalah ini.

SUMBANGAN PENGARANG

Pengarang bertanggungjawab sepenuhnya terhadap makalah ini.

PENDANAAN

Penerbitan makalah ini dibiayai oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Pengarang mengesahkan bahawa sebarang data yang digunakan bagi menyokong hasil kajian terkandung dalam makalah ini.

PERISYTIHARAN

Konflik kepentingan: Pengarang tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dari segi kewangan dan bukan kewangan untuk diisytiharkan.

RUJUKAN

- Akta Kaedah-kaedah Mahkamah Rendah 1955 (Malaysia).
- Akta Kehakiman Mahkamah Agung 1873 (England).
- Akta Mahkamah Kehakiman 1964 (Malaysia).

- Arahan Amalan Bil 7, 2015: Penubuhan Mahkamah Alam Sekitar (Sivil). <https://intranet.kehakiman.gov.my/EAA/arahanamalan/18.%20Arahan%20Amalan%20Bil%207%20Tahun%202015.pdf>
- Arahan Amalan Hakim Besar Malaya Bil 1 Tahun 2020: Pengurusan kes sivil sebelum bicara. <https://intranet.kehakiman.gov.my/EAA/arahanamalan/73491-2020-EAA.pdf>
- Arahan Amalan Hakim Besar Malaya Bil 1 Tahun 2021: Tambahan kepada Arahan Amalan Hakim Besar Malaya Bil 1 Tahun 2020 mengenai pengurusan kes sivil secara e-Review. <https://intranet.kehakiman.gov.my/EAA/arahanamalan/20190-2021-EAA.pdf>
- Audrey Dermawan. (2025, 27 November). Isu kekurangan hakim serius, ada hakim urus 800 kes - Ketua Hakim Negara. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/11/1477278/isu-kekurangan-hakim-serius-ada-hakim-urus-800-kes-ketua-hakim>
- Azahar Mohamed. (2015). *Court reform programmes: The Malaysian experience. Amicus Curiae*, 102, 15–24. <https://doi.org/10.14296/ac.v2015i102.2432>
- Bandar Builder Sdn. Bhd. & yang lain lwn. *United Malayan Banking Corporation Bhd.* [1993] 3 MLJ 36.
- Boyd, T. S. (1936). The law and constitution of Sarawak. *Journal of Comparative Legislation and International Law*, 18(1), 60–70. <https://www.jstor.org/stable/754047>
- Catajaya Sdn. Bhd. lwn. *Shoppoint Sdn. Bhd. & yang lain* [2021] 2 MLJ 374.
- Chan, G. K. (2007). The right of access to justice: Judicial discourse in Singapore and Malaysia. *Asian Journal of Comparative Law*, 2(1), 1–40. <https://doi.org/10.1017/S2194607800000028>
- Chooi, J. Y. (2019, September). Legal unsustainability and Order 18 Rule 19 of the Rules of Court. *The Singapore Law Gazette*. <https://lawgazette.com.sg/feature/legal-unsustainability-and-order-18-rule-19-of-the-rules-of-court/>
- Chung Guat Hooi (MW) lwn. *GH Goh* [1954] 1 MLJ 131.
- Cownie, F., Bradney, A., & Burton, M. (2013). *English legal system in context* (ed. ke-6). Oxford University Press.
- Duryana Mohamed, & Afridah Abas. (2011). The process of gathering evidence in civil cases: Its application in civil and shariah courts. *Malayan Law Journal*, 3, cxxii.
- Fion Wong Sook Ling Wong. (2021). Regarding justice: Has justice been disregarded? *Legal Network Series (A)*, 1, lxxi.
- Fortune Pharmacal Co. Ltd. lwn. *Falcon Insurance Company (Hong Kong) Limited dan satu lagi* - [2023] HKCU 181.
- Haji Hussin Bin Haji Ali & yang lain lwn. *Datuk Haji Mohamed Bin Yaacob & yang lain And Connected Cases* [1983] 2 MLJ 227.
- Haniwarda Yaakob. (2020). Judgements Without Trial in Civil Proceedings in Malaysia. *Journal of Law and Society (JUUM)*, 27, 25–30. <https://doi.org/10.17576/juum-2020-27-03>

- Hickinbottom, G. Sime, S., & French, O. (2022). *Blackstone's civil practice 2022*. Oxford University Press.
- Hor, M. (1995). The presumption of innocence: A constitutional discourse for Singapore. *Singapore Journal of Legal Studies*, 365–403. <https://search.informit.org/doi/epdf/10.3316/informit.687550360450611>
- Izmi Izdiharuddin Che Jamaludin Mahmud, & Che Mohd Hilmi Safiuddin. (2025). Exploring the legal framework of Islamic offences in Malaysia: A constitutional and judicial analysis. *Borneo Akademika*, 9(1), 111–136. <https://doi.org/10.24191/BA/v9i1/118999>
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2025, 31 Julai). Populasi penduduk Malaysia. OpenDOSM. <https://open.dosm.gov.my/ms-MY/dashboard/population>
- Jackson. (2016). *Civil procedure 2016* (Jid. 1). Thomson Reuters.
- Jak Kwang Builders & Developers Sdn. Bhd. lwn. *Pembinaan TJL (Sarawak) Sdn. Bhd.* [2001] 1 *MLJ* 384.
- John Lancaster Radiators Ltd.* lwn. *General Motor Radiator Co. Ltd. dan yang lain* [1946] 2 *All ER* 685.
- Junho Bae* lwn. *Samuel Lathan Daimwood dan satu lagi* [2019] *SGHCR* 09.
- Kaedah-kaedah Mahkamah 2012 (Malaysia).
- Kaedah-Kaedah Mahkamah 2021 (Singapura).
- Kaedah-kaedah Mahkamah Agung 1883 (England).
- Kaedah-kaedah Mahkamah Agung 1957 (Malaysia).
- Kaedah-kaedah Mahkamah Agung 1965 (England).
- Kaedah-kaedah Mahkamah Daerah 1941 (Negeri-negeri Selat).
- Kaedah-kaedah Mahkamah Kaunti 1981 (England).
- Kaedah-kaedah Mahkamah Rendah 1950 (Malaysia).
- Kaedah-kaedah Mahkamah Rendah 1980 (Malaysia).
- Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi (Prosedur Sivil) Sarawak, Borneo Utara dan Brunei 1951 (United Kingdom).
- Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 (Malaysia).
- Kaedah-kaedah Prosedur Sivil 1998 (England).
- Kaedah-kaedah Prosedur Sivil Mahkamah Agung 1934 (Negeri-Negeri Selat).
- Kanun Tatacara Jenayah 1935 (Malaysia).
- Kod Prosedur Sivil 1907 (Negeri-negeri Selat).
- Kod Prosedur Sivil 1918 (Negeri-negeri Melayu Bersekutu).
- Kod Prosedur Sivil 1926 (Negeri-negeri Selat).
- Kerajaan Malaysia* lwn. *LFL Sdn. Bhd. & satu lagi rayuan* [2022] 3 *CLJ* 634
- Kerajaan Malaysia* lwn. *LFL Sdn. Bhd. & satu lagi rayuan* [2024] 1 *CLJ* 261
- Kerajaan Malaysia* lwn. *LFL Sdn. Bhd. & satu lagi rayuan* [2025] 1 *CLJ* 851.
- Kho Feng Ming. (2022). Managing interlocutory applications in civil litigation: A comparative study between Malaysia and Singapore. *Legal Network Series (A)*, 1, cvi.
- Koperasi Teksi Johor Bahru Bhd.* lwn. *Nor Amali Mohd Salleh* [2024] *MLJU* 2380.

- Kurnosov, D. (2021). Pragmatic adjudication of election cases in the European Court of Human Rights. *European Journal of International Law*, 32(1), 255–279. <https://doi.org/10.1093/ejil/chab032>
- Kwai, W. W. (1997). Estoppel by convention: A cause of action? (Pt II). *Malayan Law Journal*, 1, xxv.
- Lee Soo Chuan lwn. *Lai Ah Yan & satu lagi* [1972] 2 MLJ 33.
- Leggatt, G. A. M. (2023, 11 Oktober). *Some questions of proof and probability*. [Ucap utama]. Glance conference 2023. <https://supremecourt.uk/speeches/at-a-glance-conference>
- Leubsdorf, J. (2015). The surprising history of the preponderance standard of civil proof. *Florida Law Review*, 67(5), 1569–1619. <https://scholarship.law.ufl.edu/flr/vol67/iss5/2>
- Macaskie, C. F. C. (1921). The law and legislation of the State of North Borneo. *Journal of Comparative Legislation and International Law*, 3(3), 200–222. <https://www.jstor.org/stable/752892>
- Marinac, A., Simpson, B., Hart, C., Chisholm, R., Nielsen, J., & Brogan, M. (2018). *Learning law*. Cambridge University Press.
- Maqsood lwn. *Mahmood and another* [2012] EWCA Civ 251 (Mahkamah Rayuan, England).
- McKibbin, S., Connors, L., & Harnes, M. (2021). *A legal history for Australia*. Hart Publishing.
- Metropolitan Bank, Ltd, and another* lwn. *Pooley* [1881-85] All ER Rep 949 (Dewan Pertuanan, United Kingdom).
- Miller* lwn. *Minister of Pensions* [1947] 2 All ER 372.
- Ministry of Law, The Government of Singapore (2021, Jun 11). *Response to Public Feedback on the Civil Justice Reforms*. https://www.mlaw.gov.sg/files/news/public-consultations/2021/Consolidated_Response_to_Civil_Justice_Public_Consultation_Feedback.pdf
- Mohideen Abdul Kader. (2005, 24 November). *Access to justice*. The Malaysian Bar. <https://www.malaysianbar.org.my/article/news/legal-and-general-news/legal-news/access-to-justice-by-mohideen-abdul-kader>
- Netz* lwn. *Ede* [1946] 1 All ER 628.
- Ng Wai Pin* lwn. *Ong Yew Teik dan rayuan yang lain* [2025] 3 MLJ 764.
- Ordinan Kod Prosedur Sivil (Mansuh) 1957 (Persekutuan Tanah Melayu).
- Ordinan Mahkamah Agung 1868 (Negeri-negeri Selat).
- Ordinan Mahkamah 1873 (Negeri-negeri Selat).
- Ordinan Prosedur Sivil 1878 (Negeri-negeri Selat).
- Palumbo, G., Giupponi, G., Nunziata, L., & Mora-Sanguinetti, J. S. (2013). *The economics of civil justice: New cross-country data and empirics* (OECD Economics Department Working Papers No. 1060). Organisation for Economic Co-operation and Development. <https://dx.doi.org/10.1787/5k41w04ds6kf-en>
- Phanpow* lwn. *Tuck Lee Mining & Co.* [1959] 1 MLJ 32.

- Pekeliling Ketua Pendaftar Bil. 2 Tahun 2017: Garis Masa Penyelesaian Kes Jenayah dan Sivil Bagi Mahkamah Rendah. <https://intranet.kehakiman.gov.my/EAA/arahanamalan/6%20Pekeliling%20KP%20Bil.%202%202017.pdf>
- Penang: Past and present 1786-1963: A historical account of the city of George Town since 1786.* (1966). Majlis Bandaraya George Town.
- Perlembagaan persekutuan.* (2020). Pesuruhjaya Penyemak Undang-undang, Malaysia.
- Pihak Berkuasa Tatatertib Majlis Perbandaran Seberang Perai & satu lagi lwn. Muziadi bin Mukhtar* [2020] 1 MLJ 141.
- Posner, R. A. (1996). Pragmatic adjudication. *Cardozo Law Review*, 18(1), 1–20. <https://larc.cardozo.yu.edu/clr/vol18/iss1/3>
- Purdy lwn. Cambran* [1999] *Lexis Citation* 4011.
- Raus Sharif. (2017, 10 Oktober). *Judicial reforms by the Malaysian judiciary.* Luncheon Talk, Malaysian Press Institute.
- Republic of Peru lwn. Peruvian Guano Co. Ltd.* [1886-90] *All ER Rep* 368.
- Sathish Kumar Ayyaswamy & satu lagi lwn. Peeran Syed Mohamed Syed Mahaboob* [2023] *MLJU* 1930.
- Sathish Kumar Ayyaswamy & satu lagi lwn. Peeran Syed Mohamed Syed Mahaboob* [2025] 4 *MLJ* 165.
- Seruan Gemilang Makmur Sdn. Bhd. lwn. Kerajaan Negeri Pahang Darul Makmur & satu lagi* [2016] 3 *MLJ* 1.
- Sheridan, L. A. (1961). *Malaya and Singapore, the Borneo territories: The development of their laws and constitutions.* Stevens & Sons.
- Sidek Hj. Muhamad & yang lain lwn. The Government of The State of Perak & yang lain* [1982] *CLJ* 244.
- Sinclair lwn. Chief Constable of West Yorkshire dan satu lagi* [2000] *Lexis Citation* 4353.
- Suhaizad Saifuddin. (2025). The standard of proof for case conviction: A comparative analysis from the perspective of Islam and the legal system: Darjah pembuktian bagi pensabitan kes: Analisis perbandingan menurut perspektif Islam dan sistem perundangan. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 34(03), 29–47. <https://doi.org/10.64757/alqanatir.2025.3403/1118>
- Surat Penting Hakim Besar Malaya Bil 1, 2025: Tempoh Penetapan Tarikh Pendengaran Saman Pemula dan Permohonan Interlokutori di Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rendah Seluruh Semenanjung Malaysia. <https://www.jac.gov.my/ms/pelantikan/statistik>
- Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman. (t.t). Statistik perjawatan dan pengisian hakim mahkamah atasan.* Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman. <https://www.jac.gov.my/ms/pelantikan/statistik>
- Tang Jia Yearn, Puteri Aisyah Megat Mohd Azlan, & Shahrul Mizan Ismail. (2023). Pliding: Suatu kajian perbandingan di antara Malaysia dan United Kingdom. *Journal of Law and Society (JUUM)*. 55–66. <http://ejournal.ukm.my/juum/article/view/56544/14724> intranet.kehakiman.gov.my/EAA/arahanamalan/85780-2025-EAA.pdf

TPY lwn. *DZI* [1997] 3 *SLR* 475.

Whalen-Bridge, H. (2019). Court backlogs: Balancing efficiency and justice in Singapore. *International Journal of the Legal Profession*, 26(1), 159–177.
<https://doi.org/10.1080/09695958.2018.1490298>

Wenlock lwn. *Maloney* [1965] 1 *WLR* 1238.

Woolmington lwn. *Director of Public Prosecutions* [1935] *All ER Rep* 1 (House of Lords, United Kingdom).